

Loy Sian berkata, penguatkuasaan itu membabitkan pengusaha berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja.

“Peniaga pasar malam, pasar tani atau pasar pagi tidak ada dalam kategori ini. Kita akan guna kempen berlainan untuk mendidik mereka sebelum menjalankan penguatkuasaan.

“Seperti di pasar malam kita galakkan mereka guna bekas ‘biodegradable’, pembalut kertas atau pelanggan bawa bekas dari rumah,” katanya.

Sementara itu, Haris pula mengumumkan MBSA akan menyeragamkan khemah peniaga di kawasan pentadbirannya, secara berperingkat.

Katanya, untuk peringkat permulaan pelaksanaan itu akan dikenakan terhadap peniaga bazar Ramadan di 31 lokasi dalam kawasan MBSA, yang akan wajibkan menggunakan khemah yang disediakan oleh PBT itu.

“Fasa berikutnya di pasar malam, pasar pagi dan mana-mana peniaga dalam kawasan MBSA yang guna khemah kita tidak mahu bermacam-macam khemah digunakan.

“MBSA akan memberikan diskaun 50 peratus untuk inisiatif di peringkat awal ini bagi meringankan beban peniaga terutamanya yang baru hendak berniaga,” katanya.